

Nyah asap...

■ *Malaysia sedia hantar pesawat Bombardier padam kebakaran di Sumatera jika diminta*

Ihsan Norzali
am@hmetro.com.my

Tanjung Malim

Malaysia sedia menghantar pesawat Bombardier untuk membantu operasi memadam kebakaran di Sumatera, Indonesia bagi mengatasi masalah jerebu rentas sempadan termasuk merebak ke Malaysia.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Shahidan Kassim berkata, Malaysia, khususnya Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) hanya menunggu permohonan daripada

da Indonesia.

“Tahun lalu kami menghantar Bombardier untuk membantu operasi memadam kebakaran di Sumatera.

“Tahun ini, kami tunggu permohonan daripada mereka, pesawat Bombardier sudah bersedia dan terpujang ke Indonesia,” katanya selepas Majlis Pentauliah dan Perhimpunan Kor Siswa Siswi Pertahanan Awam (Kor Sispa) Peringkat Kebangsaan di Kampus Sultan Azlan Shah, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), di sini, semalam.

Pada majlis itu, 900 kadet Kor Sispa dari 12 universiti awam (UA) dan enam institusi pengajian tinggi swasta menerima pentauliah se-

bagai leftenan muda pertahanan awam.

Shahidan berkata, Malaysia satu-satunya negara di Asia mempunyai pesawat Bombardier iaitu pesawat berkipas yang paling sesuai membantu operasi memadam kebakaran melalui teknik bom air dengan mudah, cepat dan selamat.

Tahun lalu Malaysia menghantar anggota Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) bersama dua aset, pesawat Bombardier CL415 dan helikopter AS 365 N3 Dauphin ke Sumatera Selatan bagi membantu operasi memadam kebakaran di sana yang turut menyumbang masalah jerebu pada ketika itu.